

PASANGAN SELEBRITI ANTARA EMPAT DIKOMPAUN GAGAL PATUHI SOP PKP

KUANTAN, 13 FEBRUARI 2021 : Pasangan selebriti antara empat individu yang dikenakan tindakan kompaun selepas gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di sebuah restoran di Kuala Lipis, semalam.

Ketua Polis Pahang, YDH. CP Dato' Sri Abd Jalil Hassan berkata pasangan penyanyi dan pelawak itu dikenakan tindakan kompaun sebanyak RM1,000 seorang.

“Atas aduan orang ramai, pihak pemantau *Task Force COVID-19* Kuala Lipis telah mengeluarkan kompaun kepada empat individu tersebut kerana tiada penjarakan ketika makan di restoran.

“Manakala pemilik restoran juga turut dikenakan tindakan saman kerana membenarkan pelanggan duduk di satu meja melebihi dua orang sebagaimana yang dibenarkan,” katanya ketika dihubungi Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP) hari ini.

Beliau berkata kesemua kompaun dikeluarkan di bawah kesalahan Akta Pencegahan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Tambah beliau lagi, restoran tersebut juga telah diarahkan tutup oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam tempoh segera.

“Restoran tersebut juga diarahkan tutup operasi mereka oleh PBT, agar dijadikan contoh tindakan untuk premis-premis perniagaan lain supaya mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri,” katanya.

Beliau turut menafikan isu bahawa pasangan ini telah menyalahgunakan kebenaran permit pergerakan rentas negeri dengan bermalam di Kuala Lipis selepas pulang dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur bagi urusan perniagaan.

“Pasangan ini tidak salah guna borang rentas negeri, mereka boleh bermalam di situ (Kuala Lipis) atas alasan keselamatan contohnya penat jika meneruskan perjalanan.

“Jadi tidak timbul isu salah guna borang rentas negeri, yang salah dalam kes ini kerana mereka melanggar SOP semasa makan sahaja,” katanya.

Beliau turut menasihatkan para peniaga supaya mengikut SOP PKP yang telah ditetapkan bagi memastikan penularan wabak COVID-19 ini dapat dikekang.

“Saya mohon sangat-sangat kepada para peniaga yang telah dibenarkan berniaga, untuk hadkan satu meja kepada dua orang pelanggan sahaja dan jaga penjarakan sosial.

“Pastikan adanya pencatat suhu dan kod QR MySejahtera untuk pelanggan mendaftar masuk, dan pastikan juga premis disanitasi seberapa kerap yang boleh.

“Dan jika ada pelanggan yang tidak berpuas hati dengan SOP oleh pihak premis, mereka boleh merujuk kepada pasukan pemantau untuk kita ambil tindakan selanjutnya,” katanya. -**PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

**#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#UKOMP**

Oleh : Ain Nadhirah Basha

